



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI 2020/2021 SEMESTER 1

KOD KURSUS

UHS1022 – FALSAFAH DAN ISU SEMASA

TAJUK TUGASAN

**Egoisme : Isu pematuhan prosedur operasi standard (SOP)
semasa pandemik Covid-19**

KUMPULAN 8 (SEKSYEN 78)

NAMA PENSYARAH : DR. NURAZMALLAIL BIN MARNI

NO	NAMA PELAJAR	NO. MATRIK
1.	AHMAD NAZRAN BIN YUSRI	A20EC0179
2.	MUHAMMAD AMIRUDDIN BIN ZULKIFLI	A20EC0208
3.	RADIN NAZHAN BIN RADIN JAMZULKOMAR	A20EC0136
4.	SYAMIMI AMIRAH BINTI ZAMROS	A20EC0226
5.	NUR HANNAN BINTI JAMALUDIN	A20EC0222
6.	MUHAMMAD SYAZWAN BIN SAHDAN	A20EC0217

Justifikasi pemilihan tajuk

Menurut falsafah, egoisme adalah teori bahawa motivasi dan matlamat setiap orang mestilah bersifat keakuan. Individu yang berpegang kepada falsafah ini percaya bahawa mereka harus mengambil keputusan yang dapat memaksimumkan faedah kepada diri sendiri. Egoisme mempunyai dua jenis, egoisme secara psikologi dan egoisme etika. Isu-isu yang berkaitan dengan egoisme masih berlaku dalam kalangan masyarakat. Isu yang berleluasa ketika ini adalah isu tidak mengikut perintah SOP semasa pandemik covid 19. Perkara ini menunjukkan mereka mempunyai sifat egoisme yang tidak mengambil berat terhadap isu kesihatan sehingga keselamatan orang lain terjejas.

Latar Belakang Tajuk

Seperti yang diperjelaskan, egoisme mempunyai dua jenis iaitu psikologi dan etika. Egoisme psikologi berteraskan prinsip dimana setiap perbuatan dilakukan adalah untuk memenuhi hasrat peribadi dengan menghiraukan keseluruhan prinsip etika. Egoisme etika pula menegaskan bahawa kita tidak harus mengabaikan secara mutlak kepentingan orang lain tetapi kita patut mempertimbangkannya apabila tindakan itu secara langsung akan membawa kebaikan kepada diri sendiri. Egoisme etika pula dibahagikan kepada tiga kategori iaitu 'individual' (melakukan perkara yang berfaedah untuk kepentingan diri), 'personal' (tindakan perlu dilakukan untuk kepentingan seseorang) dan 'universal' (semua orang perlu bertindak pada jalan yang berfaedah untuk diri sendiri). Justeru itu, apabila rakyat Malaysia dihipit dengan pelbagai kegentingan pada musim pandemik ini, mereka mudah untuk bertindak sesuatu berpaksikan kepentingan diri sahaja tanpa menghiraukan kesan yang akan menimpa ke atas orang lain. Sebagai contoh, rakyat Malaysia tidak menghiraukan seruan Yang Berhormat Perdana Menteri dan Pegawai Menteri Kesihatan untuk menjaga SOP dan melakukan perkara-perkara yang dapat menyekat usaha pembendungan kes penularan Virus Corona seperti 'panic buying' tanpa penjarakkan sosial dan pulang ke kampung halaman secara beramai – ramai. Ini menjadi salah satu contoh rakyat Malaysia hanyut menurut permintaan ghairah egosime mereka sendiri.

Permasalahan Tajuk

Pada waktu dunia sedang dilanda pandemik covid 19, iaitu sejenis virus yang menyebabkan masalah pernafasan, semua aktiviti masyarakat terjejas seperti pekerjaan, persekolahan dan perniagaan. Hal ini kerana kerajaan telah mengeluarkan perintah berkurung atau lebih dikenali

sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada garis masa yang sama, kerajaan juga telah mengisytiharkan garis panduan dalam melakukan aktiviti harian atau terjemahan bahasa inggerisnya adalah Standard Operating Procedure (SOP). Tujuan PKP dan SOP dilaksanakan adalah untuk membendung penularan Covid 19 dan memutuskan rangkaian jangkitan di dalam negara kerana vaksin untuk virus tersebut belum tercipta dan masih sedang dibangunkan oleh syarikat-syarikat perubatan. Walau bagaimanapun, masih terdapat sekumpulan besar masyarakat yang masih mengingkari SOP. Mereka telah mempraktikkan pemikiran egoisme dalam situasi ini. Sebagai contoh, mereka tidak memakai pelitup muka ketika berada di kawasan yang padat, berada di luar rumah pada waktu yang dilarang dan merentas negeri. Egoisme yang terdapat pada masyarakat berkenaan akan merosakkan rancangan kerajaan dalam menangani masalah pandemik ini. Akibatnya, risiko penyebaran virus akan menjadi lebih tinggi dan orang tersebut boleh menjadi agen penyebaran virus, sekaligus membahayakan nyawa orang yang berada di sekelilingnya. Pemikiran egoisme masyarakat ini dikawal oleh tujuan yang tersendiri sama ada munasabah ataupun tidak. Kebiasaannya, mereka yang mengingkari SOP adalah kerana kemahuan yang tidak penting dan bukannya kerana keperluan. Sebagai contoh, mereka ingin keluar rumah kerana mahu melepak bersama rakan. Masalah tidak mengikut SOP disebabkan pemikiran egoisme ini akan mendatangkan banyak masalah kepada semua lapisan masyarakat kerana setiap masalah sering berkait antara satu sama lain. Apabila tidak patuh kepada SOP yang ditetapkan, risiko penularan virus semakin tinggi dan bilangan kes aktif akan semakin bertambah. Seterusnya, kebanyakan sektor akan ditutup apabila bilangan tersebut telah mencapai tahap yang merisaukan seperti penutupan sekolah, kedai dan tempat bekerja. Hal tersebut akan menjejaskan kehidupan masyarakat dari aspek ekonomi, mentaliti dan tahap intelektual.

Objektif

- 1) Mengenalpasti konsep dan falsafah egoisme
- 2) Mengenalpasti punca bagi sifat ego dalam diri individu
- 3) Menganalisis kesan egoisme kepada individu, masyarakat, dan negara